

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31 JAN 2015

## Seri Paduka, Najib bertahlil untuk MH370

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah semalam berangkat menunaikan solat Jumaat serta bertahlil untuk penumpang dan anak kapal pesawat Malaysia Airlines MH370, di Masjid Negara.


Turut serta Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Lebih 5,000 jemaah turut serta bersolat Jumaat dan bertahlil yang dipimpin oleh Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Syaikh Ismail Muhammad, bertujuan bagi mendoakan kesejahteraan semua penumpang MH370 dan keluarga mereka.

"Buat semua keluarga penumpang MH370, saya harap mereka bersabar dengan dugaan ini kerana Allah SWT akan memberi ganjaran yang lebih besar kepada orang yang bersabar," kata Syaikh Ismail kepada pemberita selepas majlis itu.

### 200 jemaah di PWTC

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menghadiri majlis tahlil untuk mangsa tragedi pesawat MH370 bersama lebih



Tuanku Abdul Halim **mengaminkan bacaan doa tahlil** sempena pengumuman kehilangan pesawat MH370 di Masjid Negara, semalam. Turut hadir, Najib dan Jamil Khir. [FOTO YAZIT RAZALI/BH]

200 jemaah selepas Solat Jumaat di Surau Ar-Rahman, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Majlis tahlil itu diketuai imam surau Ar-Rahman, Datuk Shamsul Najmi Shamsuddin.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan, Datuk Seri Hasan Malek serta Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan.

Di **Putrajaya**, kira-kira 200

orang menyertai majlis tahlil khas untuk mangsa tragedi MH370 di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA), di sini, semalam.

### Selepas solat Jumaat

Majlis diadakan selepas solat Jumaat dan dipimpin oleh Imam MTMZA, Ahmad Rijal Ghazali. Majlis dimulakan dengan bacaan tahlil serta doa untuk mangsa tragedi berkenaan.

Di **Kuala Terengganu**, kira-

kira 2,000 jemaah Masjid Al Muktafi Billah Shah di sini, turut mengadakan tahlil dan doa kepada mangsa beragama Islam yang diisytiharkan terkorban dalam tragedi pesawat MH370, sebaik selesai menunaikan solat Jumaat, semalam.

Majlis tahlil selama 20 minit itu juga selaras permintaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang meminta semua masjid di seluruh negara mengadakan tahlil khas.